

PUTIK

(PERSPEKTIF)

Penyunting • Chong Fah Hing

PUTIK

Himpunan Karya Persatuan Penterjemahan
dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF)

Penyunting
Chong Fah Hing

Berada di Kayangan Suku Bangsa Tiongkok

Yang Quee Yee

BAGAIMANA keadaannya di Yunnan? Besarkah kota Kunming?

Provinsi dan ibu negerinya yang terkenal itu memang terlalu asing bagi saya sebelum lawatan kami beberapa tahun yang baru lalu.

Dengan menyertai lawatan Rombongan Gabungan Persatuan-Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) pada tahun 1994, baharulah sempat saya saksikan kota Kunming yang terletak di bahagian tengah Provinsi Yunnan di barat daya Tiongkok dari jarak dekat. Penduduknya cukup ramai. Antara tempat dan benda yang disaksikan oleh anggota rombongan, termasuk daerah komersial, kilang-kilang atau sawah ladang yang luas dan gunung-ganang yang berbanjaran. Bagi saya, semua ini tidak ada yang luar biasa, kerana pemandangan yang seumpama itu boleh dijumpai di mana-mana saja di luar Tiongkok.

Namun, jika titik perhatian umum dituju ke atas sumber manusia di daerah itu, maka satu fenomena yang agak berlainan pun boleh didapati.

Maklumlah di tempat yang aman dan sentosa itu, baik di sekitar daerah kota, ataupun di desa-desa, ke mana-mana saja kami pergi, ternampak pembentukan penduduknya terdiri daripada pelbagai suku bangsa. Malahan masing-masing mempunyai cara dan gaya hidup yang tersendiri. Baik dari bahasa, kebudayaan dan adat istiadat, ataupun bentuk bangunan tempat kediaman mereka yang dibina di kawasan-kawasan yang khusus buat sesuatu suku bangsa, besar perbezaannya di antara satu sama lain. Keadaan yang berbeza-beza itu boleh disifatkan dengan peribahasa Melayu sebagai lain ladang lain belalang, lain lubuk lain ikannya.

Tiongkok terkenal sebagai sebuah negara yang bersuku bangsa banyak, ini memang telah lama saya ketahui. Akan tetapi keramaian suku bangsanya yang terhimpun di satu provinsi seperti yang kami saksikan di Yunnan dalam lawatan tadi, dengan terus terang, ini sama sekali tidak saya sedar. Apa yang lebih menakjubkan saya adalah selain daripada sifat ketekunan yang dipertunjukkan dalam kehijauan sawah ladang dan bidang kehidupan lain, suasana keharmonian dan kemesraan di antara suku bangsa yang berlainan itu merupakan satu panorama yang harus dikagumi. Keunggulan itu bukan hanya dipraktikkan di antara perhubungan rakyat Tiongkok sendiri, malah peramalan yang terpuji itu dilanjurkan kepada warga asing seperti yang kami nikmati sepanjang lawatan.

Bersama isteri, kami terbang ke Kunming langsung dari Singapura tiga hari lebih awal dari jadual perjalanan Rombongan Gapena yang berangkat dari Kuala Lumpur, Malaysia via Bangkok.

Hari pertama, sore, di Kunming. Sedang kami menikmati makanan yang lazat, sambil berbincang bagaimana boleh pergi ke Dali, sebuah tempat peranginan di daerah barat laut Provinsi Yunnan di sebuah restoran yang berdekatan dengan Holiday Inn yang kami inap, barangkali suara kami agak lantang, maka menimbulkan perhatian dua orang pelayan

manis yang beridentiti suku bangsa Bai di restoran itu. Sambil menghampiri, sambut salah seorang, "Hai! Kami berasal dari Dali". Gadis itu memperkenalkan diri dengan suara lembut dan sikap sopan santun, lalu dikenalkan pula adiknya yang berdiri di sisinya kepada kami.

Melalui butir keterangan mereka, kami telah mengetahui bagaimana boleh sampai ke tempat yang kami idam-idamkan.

Gaya perbualan kedua adik-beradik itu sungguh menyenangkan hati kami. Dalam pertemuan singkat itu, ketika mereka maklum bahawa kami yang boleh bertutur bahasa Mandarin ini sebenarnya warga asing, kehairahan yang telah dipertunjukkan tadi pun bertambah mesra. Dan semasa kami hendak bertolak balik ke hotel setelah menjelaskan bil makanan, tanpa beragu-ragu, yang menjadi adik itu pun mengiringi kami bersama. Katanya hendak pergi berhubung dengan keluarganya di tempat Dali demi menguruskan lawatan kami esok dengan kemudahan telefon di bilik hotel. Maklumlah perkhidmatan yang dibuatnya itu semata-mata sebagai bantuan yang ikhlas, tanpa kaitan faedah apa-apa. Nah, seronok tidak jika anda boleh menikmati kemudahan yang seumpama dalam perjalanan di luar negeri?

Kisah lanjutannya masih belum habis saya ceritakan, namun ia hanya dapat saya persembahkan sepintas lalu.

Pada hari berikut, petang. Ketika selamat tiba di matlamat yang kami tuju, Xiaguan namanya, di bawah panduan seorang lelaki sukubangsa Han yang kami kenal dalam bas tumpangan bersama, kami dibawa ke Hotel Xiaguan seperti yang diurus oleh gadis di Kunming kelmarin. Sikap lelaki itu cukup mesra, sehabis menunjukkan kaunter hotel yang berkenaan kepada kami, beliau bermohon diri segera dengan ucapan

selamat tinggal kepada kami, katanya hendak cepat pulang melihat anak kesayangannya di rumah.

Sedang kami buat *enquiry* kepada kerani kaunter di hotel itu, tiba-tiba seorang gadis yang berair muka tersenyum-senyum muncul memberi salam, katanya ia disuruh ibunya datang untuk bantu menguruskan hal penginapan kami. Ia adalah adik sepupu daripada kedua gadis yang kami kenal di restoran di Kunming malam tadi, jadi tentulah ia bersuku bangsa Bai juga.

Bayaran untuk bilik hotel itu sungguh berpatutan, jauh lebih murah daripada hotel di Kunming. Walaupun biliknya tidak berhawa dingin, tapi cukup besar dan bersih.

Lantas kami mengambil ketetapan mahu ikut program lawatan sehari pada keesokan harinya yang diaturkan oleh sebuah agensi pelancongan di hotel yang sama untuk mengunjungi Erhai, iaitu sebuah danau besar di daerah Dali dan beberapa tempat peranginan lain di sekitarnya.

Semasa belayar mengelilingi Erhai, dalam kapal, kami berkenalan dengan dua orang anak dara suku bangsa Bai lagi. Mereka itu adik-beradik, berasal dari Kunming dan datang untuk berpelancong juga. Kedua-duanya sangat cergas dan bersifat riang gembira. Di sepanjang lawatan itu, kami dipandang serta dilayan seperti orang tua mereka sendiri. Baik dari perkara membeli-belah, ataupun bersiar-siar, semuanya dibantu dan dipelihara cermat, sehingga kami merasa sungguh seronok. Tambahan pula, dalam pertemuan hanya sehari itu, kami telah dijemput dengan ghairahnya untuk melawat ke rumah mereka di Kunming apabila kembali ke kota itu nanti, katanya mahu memperkenalkan ibu-bapa mereka kepada kami.

Kami selalu berpegang kepada pepatah orang Cina, bahawa orang yang tahu menghormati orang lain, ia pasti akan diberi hormat kembali sama sepertinya. Demikianlah jika kami telah menerima penghormatan sebagai orang tua daripada kedua anak gadis tadi, enakkah kalau jemputan mereka itu kami tolak dengan begitu sahaja? Oleh itu, dengan rasa yang tulus, kami berjanji akan menjadi tamu asing buat ibu-bapa kedua adik-beradik itu.

Kenyataan hanya boleh dilaksanakan melalui pengamalan. Keriangan dan kehairahan yang dipertunjukkan oleh ibu-bapa kedua anak dara tadi di rumah mereka sukar hendak diperikan dengan mata kalam.

Kembali kepada cerita yang berlaku di Xiaguan, semasa kami bermalam di sana, kami pergi cari makan di sebatang jalan yang menjual makanan istimewa. Di sana, selain menikmati makanan yang lazat dan betul-betul luar biasa, kami diberi layanan yang cukup baik. Pasangan suami isteri yang menjadi pemilik kedai itu menyediakan makanan untuk pelanggannya dengan sendiri. Setelah masakannya siap dihidangkan, mereka pun datang duduk berhadapan dengan kami. Sambil menunjukkan cara mengecap makanannya dengan sikap yang sopan santun, mereka menceritakan bagaimana menyediakan resipi yang berselera itu dengan tidak menyimpan rahsianya. Melihat kami makan dengan penuh selera, sambil berbual-bual dengan suami-isteri itu dengan tuturan bahasa Mandarin, sebahagian pekedai dari sebelah-menyebelahnya pun datang berkerumun dan campur bergebang. Mereka itu terdiri daripada pelbagai suku bangsa Cina, sedangkan pasangan suami isteri pemilik kedai tadi itu, yang lelaki dikenali sebagai suku bangsa Han, isterinya suku bangsa Yi. Dalam sejurus masa, tempat makan itu hampir berubah menjadi medan perkenalan di antara suku bangsa yang berbilang. Tidakkah rasa gerang jika anda berada di tengah-tengah suasana seumpama itu?

Dengan melalui Seminar Kebudayaan Asia Tenggara yang diselenggarakan oleh Institut Suku Bangsa Yunnan atas kerjasama Gapena, kami sempat berkenalan dengan beberapa peserta yang masing-masingnya beridentiti suku bangsa Hui, Bai dan Han. Mereka itu ada yang berjawatan sebagai profesor madya, ada yang menjadi pensyarah di Institut tersebut. Untuk mengenal kehidupan serta memahami kaedah pengajaran mereka yang saksama, kami pergi melawat ke asrama para pengajar itu yang beralamat tidak berapa jauh dari Institut yang berkenaan di sebelah malam atas undangan. Di mana kami dilayani dengan *Sandao Cha*, iaitu sejenis minuman istimewa suku bangsa Bai yang dibuat daripada tiga jenis teh yang berasingan dengan cara dan bahan yang berlainan. Sambil minum, kami sempat mendengar cerita daripada tuan rumah itu mengenai bagaimana mereka menyelenggarakan kerja penyelidikan tentang masalah suku bangsa ada yang diadakan di kampus, ataupun turun ke desa-desa dan tinggal bersama penghuninya yang terdiri daripada pelbagai suku bangsa, biasanya setiap program mengambil masa beberapa bulan dalam setiap tahun. Kami juga dimaklumkan bagaimana suku bangsa yang begitu ramai jenisnya di Tiongkok dapat hidup dengan rukun dan damai di antara satu sama lain. Kata mereka, bahawa di samping saling menghormati dan bantu-membantu dalam kehidupan sehari-hari, yang pokok ialah memahami sejarah, kebudayaan, agama, adat-istiadat, bahasa dan jika ada, tulisan bagi setiap suku bangsa itu. Dan hasil kajian mereka yang tercapai itu telah dipamerkan dalam sebuah Muzium Institut yang khusus yang telah kami saksikan dalam lawatan tersebut.

Di muzium itu, di samping bahan-bahan sejarah dan kebudayaan kepunyaan 28 jenis suku bangsa terbesar yang terdapat di Provinsi Yunnan, anggota Gapena juga diperkenalkan dengan tulisan-tulisan yang aneh yang diciptakan oleh suku bangsa yang berlainan. Antaranya ada yang berupa tulisan percetakan rasmi, tetapi ada sebahagian pula masih tinggal dalam bentuk bersahaja yang diciptakan dengan tali, daun, rumput

atau akar kayu. Ada juga yang dipahat pada batang kayu, atau digaris ditanda di muka tanah sahaja. Sebahagian hasil pencapaian daripadanya boleh juga dibaca menerusi makalah-makalah atau laporan-laporan yang disiarkan dalam sebuah majalah yang dinamakan *Journal of Yunnan Institute for Nationalities* dan bertuahlah kami telah dihadihkan satu set yang agak lengkap terbitannya dalam lawatan peribadi di sebelah malam itu.

Di bawah panduan para pengajar, beserta seorang profesor madya yang berasal dari Universiti Yunnan yang terletak di sebelah hadapan Institut Suku Bangsa Yunnan, kami mendapat kesempatan untuk menyaksikan institusi pendidikan yang tertinggi di provinsi itu pada sebelah petang selepas selesainya seminar berkenaan. Dari pemandangan bangunan yang gagah hingga ke hasil pengajian dan kegiatan para sarjana menerusi pelbagai cara bentangan yang dipamerkan di sekitar kampus universiti tersebut, banyak faedah telah kami peroleh daripadanya.

Wahai Yunnan, tempat kayangan suku bangsa yang beraneka ragam di Tiongkok, bilakah sempat kita bertemu kembali!

3 September 1994